

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BARU]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk memasukkan cadangan pembinaan Hospital Bandar Baharu pada Rancangan Malaysia akan datang mahupun dalam Bajet 2018 memandangkan perkara ini telah lama dibangkitkan di semua peringkat sehingga timbul pelbagai rungutan daripada penduduk tempatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman masih belum ada perancangan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) untuk membina Hospital Bandar Baharu memandangkan penduduk yang masih rendah iaitu kurang dari 50,000 orang dan telah pun terdapat empat (4) hospital yang berdekatan dengan jarak masing-masing antara 20 hingga 50km dengan hubungan jalanraya yang baik.

Keperluan pembinaan hospital tersebut akan dikaji dari masa ke masa berdasarkan faktor-faktor seperti pertumbuhan penduduk, isu kesihatan setempat, pertambahan anggota kesihatan dan keteserdiaan peruntukan kewangan.

Sebagai langkah interim bagi memastikan penduduk di kawasan Bandar Baharu dapat menikmati kemudahan kesihatan yang lebih baik, Pusat Bersalin Alternatif yang lengkap telah disenaraikan untuk dipohon dalam *Rolling Plan* (dengan izin) ke 3 RMKe-11 di lokasi Klinik Kesihatan Serdang, Bandar Baharu, Kedah. Kemudahan ini boleh menguruskan kes bersalin berisiko rendah manakala kes-kes yang memerlukan rawatan hospital akan dirujuk ke Hospital Pakar berdekatan.